

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT TAHUNAN KOUNSIL
Lokasi : WISMA PANDU PUTERI, LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR
Tarikh : 29-08-1987

Bismillahir rahmanir rahim.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Puan Pahang, Tunku Hajjah Azizah binti Sultan Iskandar Al Haj;

Yang Mulia Tunku Hamdah binti Tunku Besar Burhanuddin, Naib Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia;

Yang Berusaha Puan Nik Faizah binti Nik Mustapha, Ketua Pesuruhjaya, Persatuan Pandu Puteri Malaysia;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana kita dapat berjumpa lagi di Majlis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia atas jemputan merasmikan Mesyuarat Tahunan Kounsul Persatuan Pandu Puteri Malaysia pada pagi ini.

2. Tahun 1987 merupakan tahun yang istimewa bagi Persatuan Pandu Puteri Malaysia kerana pada 22hb. November, 1987 genaplah tujuh puluh tahun Persatuan ini ditubuhkan di Malaysia. Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah salah sebuah persatuan wanita yang tertua di negara kita dan mempunyai sejarah yang gemilang. Adalah wajar bagi kita merayakannya secara besar-besaran, untuk mengenang kembali detik-detik penting dalam penubuhannya dan kegiatan-kegiatannya sepanjang tujuh puluh tahun demi pengetahuan ahli-ahli yang muda pada zaman ini. Saya difahamkan bahawa beberapa acara telah dirancang bagi merayakan tahun yang bersejarah ini. Antaranya ialah projek gotong-royong, program pertukaran Pandu Puteri antara negeri, Kuiz Kepanduan, Pameran Kepanduan, penerbitan Buku Cenderamata, Anugerah Kepanduan, dan 'Majlis Malam Kepanduan'. Saya berharap acara-acara tersebut akan mendapat sambutan dari ahli-ahli Persatuan dan orang ramai.

3. Bersesuaian dengan tema Perayaan 70 Tahun Kepanduan iaitu 'Kepanduan Adalah Cabaran', saya berharap kepada semua ahli dan pemimpin Pandu Puteri supaya berusaha dengan lebih giat lagi agar segala cabaran akan dapat diatasi. Saya percaya Pandu Puteri mempunyai peranan tertentu dalam pembangunan negara, iaitu dalam membentuk perwatakan dan peribadi kaum wanita supaya mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berdikari.

4. Usaha untuk meningkatkan lagi prestasi dan kegiatan Pandu Puteri adalah menjadi tanggungjawab seluruh ahli dan pemimpinnya. Kita hendaklah memahami dengan sedalam-dalamnya semangat, objektif, perjuangan serta undang-undang Pandu Puteri. Dengan asas yang kukuh ini, kita akan dapat memainkan peranan dan tanggungjawab kita dengan lebih berkesan lagi.

Para hadirin sekalian,

5. Matlamat negara kita ialah untuk mewujudkan perpaduan di mana rakyat berbilang kaum dapat menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Sumbangan kaum wanita terhadap perpaduan negara amatlah penting. Dalam konteks ini Persatuan Pandu Puteri yang merupakan sebuah persatuan yang mempunyai ahli berbilang kaum mempunyai peranan yang penting dalam perpaduan negara. Saya berharap semua pihak yang terlibat dalam Persatuan Pandu Puteri sedar dan insaf akan hakikat ini.

6. Saya percaya 'Semangat Kepanduan' akan berterusan dan mendorong setiap ahli Persatuan ini untuk terus mempertahankan dan menyanjungi imej persatuan dalam masyarakat dan negara. Dalam hal ini saya sungguh bangga dengan imej yang baik yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli persatuan di dalam dan di luar negeri. Ini jelas terbukti dengan jemputan-jemputan yang telah diterima oleh persatuan ini ke upacara-upacara di peringkat antarabangsa di dalam dan juga di luar negeri. Pada kebiasaannya, delegasi kita mendapat penghargaan sebagai delegasi yang terbaik dan berdisiplin. Saya berharap perkara ini akan berterusan agar perjuangan wanita Malaysia mendapat perhatian di dalam negeri dan di seluruh dunia.

7. Saya juga berharap semangat kepanduan ini dapat disemai di kalangan kaum muda-mudi untuk menggalakkan mereka menjadi ahli Persatuan Pandu Puteri. Adalah penting bagi sesebuah persatuan sentiasa mendapat ahli-ahli baru untuk menggantikan ahli-ahli yang telah mengundur diri dan juga untuk mendapatkan idea-idea baru.

8. Akhir sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi bantuan, sokongan dan kerjasama kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Sebagai sebuah persatuan sukarela Persatuan Pandu Puteri bergantung kepada sumbangan orang ramai untuk menampung perbelanjaan dan mengelolakan kegiatan-kegiatan demi kepentingan ahli-ahli Persatuan.

9. Sebelum saya mengundur diri saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Agnes Soong, bekas Naib Yang Di-Pertua, Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada hari ini. Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau dan berharap beliau akan terus berkecimpung dalam alam kepanduan.

10. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan Pandu Puteri Malaysia bagi tahun 1987.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.